

11/09/1997

Konsep MSC terkenal di AS

Barjoyai Bardai

SAYA menganggap beberapa minggu sebelum ini sebagai minggu 'shopping spree' dalam bidang teknologi kerana saya berpeluang melawat ke Boston, Dallas, San Francisco, dan Los Angeles untuk meninjau beberapa teknologi baru dan kemudian menerokainya.

Penerokaan kami bermula di Boston, yang juga tempat belajar saya 17 tahun lalu. Di sana, saya berpeluang untuk berjumpa sekali lagi dengan Dr Manfred Kuhnle, seorang pencipta yang cukup berkaliber. Walaupun umurnya sudah melebihi 65 tahun, namun beliau cukup dinamik dan terus memikirkan pelbagai projek ciptaan baru. Beliau kini sudah mempunyai lebih 600 hak cipta di bawah namanya, adalah satu nama yang bukan asing lagi di Amerika.

Beliau menyambut kedatangan kami ke firmannya dan sudah bersedia dengan satu pameran teknologi baru yang ingin dimajukannya sebelum meminta pertimbangan kami. Beliau memberikan satu pembentangan yang bermula dengan memberi gambaran mengenai Malaysia dan masa depannya serta menegaskan kepentingan projek Koridor Raya Multimedia (MSC) kepada negara kita dan dunia.

Konsep MSC sebenarnya sudah amat terkenal di Amerika Syarikat (AS). Pendek kata, ke mana sahaja kami pergi di AS, pencipta mereka dengan penuh galak menggambarkan betapa pentingnya langkah yang diilhamkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed. Masing-masing menunjukkan keratan akhbar dan gambar warna-warni konsep MSC yang dikutip daripada akhbar dan majalah.

Dr Kuhnle menunjukkan kami beberapa teknologi canggih daripada skrin televisyen dan display sebesar empat inci yang boleh dibesarkan sehingga menjadi 100 kaki X 40 kaki, mesin faksimili untuk cetakan yang lebih berwarna-warni, cermin mata untuk suasana gelap gelita sehinggalah kepada enjin menggunakan piston yang bergerak secara berpusing kepada bergerak menegak.

Dr Kuhnle menekankan betapa penting bagi kami untuk mewujudkan satu pusat inovasi teknologi di Malaysia dengan menggabungkan kepakaran dari seluruh dunia untuk menerajui dan menyumbang.

Beliau dan pasukannya yang terdiri daripada puluhan bekas profesor dari universiti terkenal di AS seperti MIT, Harvard dan Stanford turut menyatakan kesanggupan untuk terus menyumbangkan usaha ke arah mewujudkan sebuah pusat inovasi seperti di MSC.

Semoga kita dapat memanfaatkan kepakaran seperti ini dengan berkesan kerana ia tidak datang secara mudah.

Sementara di Dallas pula, kami meninjau lagi beberapa teknologi yang tidak kurang menarik. Selama tiga hari berturut-turut, kami berhempas pulas dalam cuaca panas terik sehingga 110 darjah untuk cuba meliputi semua program yang diatur. Kami dipamerkan dengan satu teknologi perisian yang dapat mewujudkan satu bentuk perlindungan dan keselamatan bagi melindungi sistem komputer kita daripada dicerobohi oleh penggadam atau 'hackers'.

Kita selalu mendengar cerita pakar penceroboh komputer ini boleh dengan mudah menceroboh rekod dan akaun kita dalam bank dan mengubah atau mengambil keluar wang daripada akaun secara elektronik. Kita juga biasa mendengar bagaimana pakar penggadam ini boleh menceroboh maklumat rahsia syarikat dan kerajaan untuk digunakan secara negatif.

Kebetulan dua minggu sebelum ini, satu konvensyen kebangsaan pakar penceroboh komputer di adakan di New York. Di konvensyen itu, ditunjukkan

bagaimana beberapa kumpulan penggadam berjaya mencerobohi akaun dan rekod komputer individu, syarikat dan badan kerajaan.

Ini dapat dilakukan dengan mudah disebabkan sistem komputer kita disambungkan dengan sistem Internet dan sistem LAN secara meluas. Saya terus teringat bagaimana di Malaysia, kerajaan sibuk menganjurkan program Kerajaan Elektronik (penggunaan sistem Internet dan LAN di dalam sistem pentadbiran kerajaan), Perdagangan Elektronik (Penggunaan sistem Internet dan LAN untuk urus niaga perniagaan dan perbankan) dan teleperubatan (penggunaan sistem Internet dan LAN untuk perkhidmatan perubatan).

Sebenarnya terdapat banyak golongan yang amat skeptikal dengan program ini. Mereka berasa selagi tidak ada satu sistem perlindungan yang cukup ketat dalam sistem Internet dan pengalaman sistem komputer, peluang mewujudkan jenayah komputer lebih luas dan ia payah untuk dikesan.

Syarikat yang saya lawati ini mempunyai beberapa pakar penggadam termasuk dua pemuda berusia 17 tahun.

Mereka membuat penyelidikan dan inovasi untuk mencipta kaedah perlindungan paling ketat bagi melindungi pengguna komputer.

Kini, mereka mewujudkan program komputer yang apabila mula digunakan akan mewujudkan kaedah perlindungan pada tahap pertama laluan kepada keseluruhan sistem komputer, hingga menjadikannya cukup susah untuk dicerobohi.

(END)